

D.R. 20/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1996) 1996. Tajuk ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi enam ratus sembilan puluh tujuh juta empat ratus satu ribu tiga ratus dua puluh ringgit (RM697,401,320) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1996, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1996. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1996.

Akta A938.

(2) Jumlah wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL
(Seksyen 2)

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Peruntukan kepada Maksud</i>
		RM
B. 4	Suruhanjaya Pilihanraya	11,280,000
B. 6	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	870,100
B. 7	Jabatan Perdana Menteri	30,000,010
B. 10	Jabatan Peguam Negara	1,988,200
B. 11	Badan Pencegah Rasuah	3,220,000
B. 20	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	10,000,000
B. 30	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	830,000
B. 32	Jabatan Hasil Dalam Negeri	10
B. 34	Kementerian Kesihatan	119,000,000
B. 36	Polls Diraja Malaysia	5,700,000
B. 42	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	1,000,000
B. 43	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	3,500,000
B. 44	Kementerian Penerangan	5,000,000
B. 47	Kementerian Pengangkutan	11,880,000
B. 50	Kementerian Pembangunan Usahawan	493,133,000
	JUMLAH	697,401,320

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1996 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1996.

[PN. (U²) 1942.]